

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB**

**LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN**

**(SOALAN NO. 12 HINGGA NO. 50)**

**[ SOALAN NO.4 DIJAWAB BERSEKALI DENGAN SOALAN NO.39 ]**

8 NOV 2016

**NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**NURELFIRA BINTI MOHD DAUD  
SEKSYEN PERUNDANGAN & PROSIDING  
PARLIMEN MALAYSIA**



**SOALAN NO. : 12**

**DEWAN RAKYAT  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL [ KUALA KEDAH ]**

**TARIKH : 8 NOVEMBER 2016 (SELASA)**

**NO. RUJUKAN : DR014**

**Dr. Azman bin Ismail [ Kuala Kedah ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan sama ada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dirujuk sepenuhnya berkenaan dengan projek pendaratan ikan tuna Kedah (Kedah Integrated Fishery Terminal) dan kesan alam sekitarnya. Apakah pandangan Kementerian tentang projek itu.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Projek ini adalah di bawah bidang kuasa pihak kerajaan Negeri. Sehingga kini, pihak Jabatan Alam Sekitar masih belum menerima laporan EIA kerana projek ini masih belum dimulakan lagi. Berdasarkan maklumat yang diterima daripada Majlis Perancangan Fizikal Negara(MPFN), hanya kelulusan untuk guna tanah Pelabuhan Perikanan Laut dalam sahaja baru diperolehi.

Sekian. Terima kasih.